

Headline	Siswa teroka bidang PKS		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Aug 2013	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	Mahkamah	Color	Full Color
Page No	27,28,37	ArticleSize	1990 cm ²
AdValue	RM 10,945	PR Value	RM 32,835



Rabu 14 Ogos 2013 | www.sinarharian.com.my/rencana

Kampus

Siswa teroka bidang PKS

PENUNTUT Universiti Utara Malaysia (UUM) melalui Syarikat Management Global Consultant (MGC) yang diketuai Mohamad Azhar Norizan (Pengurus Besar), dan empat rakan yang lain giat membantu sebuah perusahaan kecil dan sederhana iaitu Syarikat Herba Chantiq Manees di Kedah untuk dikembangkan menjadi perusahaan yang unggul. Inisiatif positif ini adalah hasil penyertaan mereka dalam Program SME Internship 2013 dengan kerjasama antara SME Corporation dan UUM, di mana program berkenaan menjadikan mahasiswa lebih peka dan didedahkan dengan dunia sebenar menguruskan sebuah perusahaan.

Headline	Siswa teroka bidang PKS		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Aug 2013	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	Mahkamah	Color	Full Color
Page No	27,28,37	ArticleSize	1990 cm ²
AdValue	RM 10,945	PR Value	RM 32,835

Oleh: SAMSUDIN OLI MOHAMED

BANTU PKS MENJADI SYARIKAT TERUNGGUL

Lima siswa Universiti Utara Malaysia (UUM) yang terlibat dengan Program SME Internship 2013 dengan kerjasama antara SME Corporation dan UUM akan membantu Syarikat Herba Chantiq Manees, iaitu sebuah syarikat perniagaan kecil di Kedah. Penuntut dari UUM melalui Syarikat Management Global Consultant (MGC) yang ditubuhkan mereka pada 5 Julai lalu ini diketuai Mohamad Azhar Norizan (Pengurus Besar), Muhamad Abdul Manan (Pengurus Kewangan), Mohd Zamri Anuar (Pengurus Pemasaran), Mohd Suffiyah Satar (Pengurus Sumber Manusia), Muhamad A'adi Ab'Allah (Pengurus Pengeluaran & Operasi) dan Azhari Ramli sebagai penasihatnya.

Mereka bertanggungjawab ke atas segala urusan berkaitan syarikat termasuk menyelia dan memantau kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Syarikat Herba Chantiq Manees agar menjadi syarikat konsultant yang terunggul. Pengarahnya, penuntut Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewahawanan) semester akhir, Azhar 24, berkata, misi mereka ialah menghasilkan strategi perancangan, pengorganisasian, penyelesaian dan pengawalan bagi penambahbaikan ke atas sistem pengurusan lebih cekap untuk sesebuah organisasi.

Mereka akan memastikan sistem pengurusan organisasi dilaksanakan dengan sistematik. Manakala Mohd Zamri, penuntut Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Kewartawanan) yang bertindak sebagai pengurus pemasaran akan meriwayatkan dalam pemasaran dengan menggunakan teknik teknik tertentu bagi memperbaiki prestasi syarikat, selain merancang dan

Teraju lima siswa



AZHAR

MANAN

ZAMRI

A'ADI

SUFFIYAH

SALWA

melaksanakan strategi pemasaran yang agresif dan berdaya saing.

Bagi memberi nasihat dalam pengurusan modal, struktur dividen dan kewangan syarikat pula diserahkan kepada Muhamad Abdul Manan, 22, penuntut Ijazah Sarjana Muda Perakaunan untuk mengetuainya. Memandangkan fungsi kerja, kemahiran dan kompeten bagi sesebuah syarikat perlu dipantau dan diselenggarakan dengan betul maka penuntut Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan Logistik dan Pengangkutan Muhammad A'adi Ab'Allah dipertanggungjawabkan.

Selain itu, sesebuah organisasi atau syarikat memerlukan nasihat untuk merekrut dan menjaga kebajikan pekerja selain memberikan latihan serta kemahiran untuk kemajuan syarikat, maka Mohd Suffiyah Satar, 23, penuntut Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Muamalat) akan memikul tanggungjawab itu.

KEPAKARAN MASING-MASING

Kelima-lima penuntut ini dilihat mempunyai kekuatan untuk membangunkan syarikat ini kerana masing-masing mempunyai kepakaran dalam bidang yang mereka pelajari di UUM. Kesemua mereka ini dipertanggungjawabkan untuk membangunkan Syarikat Chantiq Manees Trading (Chantiq Manees) yang dimiliki oleh Salwa Mohd Saad.

Chantiq Manees ialah produk mandian berasaskan herba, optimis untuk mengukuhkan jenama ke luaran, khususnya di kalangan pengguna wanita meskipun terdapat banyak produk seumpamanya di pasaran masa kini.

Mandian Herba Chantiq Manees adalah gabungan ramuan herba dan garam kristal yang didatangkan khas dalam bentuk buntut boleh direbus dan digunakan sebagai mandian. Selain itu, syarikat yang beroperasi di Hutan Kampung, Alor Star, Kedah ini turut menyediakan produk untuk rawatan muka, urutan badan, lulur, herba rebusan penawar busur, mandian menggunakan garam bukit dan rendaman kaki.

Dalam pada itu, Salwa ketika ditemui berbangga dengan mahasiswanya UUM yang akan membantu syarikatnya itu.



Lima penuntut ini bersama Salwa bekerjasama membangunkan syarikat tersebut.

"Saya mempunyai keyakinan penuh dengan kehadiran mereka ini kerana walaupun syarikat saya ini kecil dan mengeluarkan produk penjagaan kesihatan, khususnya untuk wanita tetapi sejak kebelakangan ini ramai pengguna terutama suami menemani isteri mereka turut mendapatkan perkhidmatan di Chanteq Manees," katanya ketika ditemui.

Syarikat ini juga menawarkan perkhidmatan rendaman kaki dengan garam bukit tulen yang mempunyai struktur semula jadi dan mempunyai tenaga resonance yang penuh dan berbeza daripada garam biasa serta sangat baik untuk detoksifikasi badan tidak kira lelaki atau perempuan.

DEDAH DUNIA SEBENAR
Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UUM, Prof Madya Dr Abdul Malek Abdul Karim ketika diminta mengulas mengenai penyertaan mahasiswanya dalam Program SME Internship 2013 dengan kerjasama antara SME Corporation dan UUM ini, beliau berharap mereka akan lebih peka dan didedahkan dengan dunia sebenar.

"Sebelum ini mereka hanya mengikuti kuliah dan menyiapkan tugas yang telah diberikan oleh penyarah dan kini tiba masanya mereka untuk menterjemahkan apa yang dipelajari dalam syarikat dipertanggungjawabkan ke atas mereka," katanya.

Dr Abdul Malek menambah, mahasiswanya

dari Universiti Pengurusan yang diwakili oleh lima penuntut dari lima program ini pastinya memberi kelebihan kepada mereka kerana masing-masing mempunyai kekuatan dalam bidang masing-masing yang mereka pelajari sebelum ini dan mengagaplikasikan pula ke syarikat itu.

Oleh itu, pastinya usaha mereka untuk mencapai visi, misi dan objektif yang telah mereka susun akan membuahkan hasil dan membangunkan syarikat itu untuk memberi perkhidmatan yang terbaik, layanan mesra, mengamalkan sikap terbuka terhadap cadangan dan kritikan oleh pelanggan nanti.

Pelbagai kaedah tambahan mengikut peredaran masa seperti pengenalan produk melalui facebook dan pembelian secara terus pastinya akan membantu syarikat Chanteq Manees ini.

Adli mahu memastikan pengeluaran dan operasi syarikat berjalan lancar.



Antara herba yang dihasilkan.

Adli mahu memastikan pengeluaran dan operasi syarikat berjalan lancar.